

Headline	Dapur gas domestik perlu lulus ST.SIRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 May 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	28	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	128 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,530
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,589



Dapur gas domestik perlu lulus ST, SIRIM

KUALA LUMPUR 28 Mei – Setiap dapur gas domestik yang menggunakan gas petroleum cecair (LPG) perlu mendapatkan kelulusan daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) dan dilekatkan dengan label Agensi Penyelidikan dan Teknologi Utama Negara (SIRIM) sebelum dipasarkan di dalam negara ini bermula 1 April depan.

Penguatkuasaan itu selaras dengan Peraturan 116(1), 117(1) dan 119(1) peraturan-Peraturan Bekalan Gas (Pindaan) 2017 bagi memastikan dapur gas yang dipasarkan itu mendapat kelulusan dan telah menjalani ujian untuk memastikan tahap keselamatan.

“Buat masa ini, dapur gas domestik yang dipasarkan di negara ini tidak mempunyai sebarang label atau tanda kelulusan daripada ST atau SIRIM seperti kelengkapan elektrik.

“Keadaan tersebut menyukarkan terutama orang awam untuk mengenalpasti sama ada dapur gas terbabit telah mendapat kelulusan atau tidak dan sama ada tahap keselamatan telah diuji,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Mengulas lanjut, kenyataan itu berkata, selepas dikuatkuasakan kelak, pihak yang gagal mematuhi peraturan ini boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2016 dan Peraturan-peraturan Bekalan Gas (Pindaan) 2017.

“Jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM100,000 dan dalam kesalahan berterusan, denda RM2,000 bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan,” katanya.